



## SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 5 Jun 2022

### **Khazanah sambut Hari Alam Sekitar Sedunia di Taman Tugu**

*Kekal komited membantu Malaysia mencapai sasaran neutral karbon menjelang tahun 2050*

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) hari ini meraikan Hari Alam Sekitar Sedunia (“WED”), salah satu program alam sekitar terbesar bawah Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (“UNEP”), di Taman Tugu.

WED disambut pada 5 Jun setiap tahun dan merupakan wadah utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memupuk kesedaran dan menggalakkan tindakan untuk melindungi alam sekitar. Tema sambutan tahun ini ialah *Hanya Satu Bumi*. Sambutan tahun ini juga merupakan ulang tahun ke-50 Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar yang membawa kepada pembentukan UNEP.

Taman Tugu, tapak bagi sambutan tahun ini, adalah bukti komitmen Khazanah untuk memelihara alam sekitar serta sumber asli, yang menyokong sasaran Malaysia untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050. Taman Tugu ialah sebuah taman rimba bandar yang terletak berhampiran Tugu Negara, Kuala Lumpur.

Dilancarkan pada 2018, Taman Tugu, sebuah taman rimba bandar yang terletak berhampiran Tugu Negara, Kuala Lumpur, merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat bukan berasaskan keuntungan yang diterajui oleh Khazanah dengan sokongan pelbagai kementerian dan agensi serta organisasi masyarakat sivil.

Amanah Warisan Negara (“AWAN”), sebuah amanah awam negara yang diasaskan oleh Khazanah, seterusnya ditubuhkan untuk memelihara, memulihara, mengurus dan mengendalikan Taman Tugu.

Perdana Menteri, Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob, telah menyempurnakan pelancaran sambutan WED di Taman Tugu.

Majlis sambutan tersebut telah dihadiri oleh barisan Lembaga Pengarah Khazanah, termasuk Dato’ Seri Azmin Ali, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, Menteri Kewangan.



Turut hadir, Dato' Seri Dr Shahidan Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan; Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli; dan Datuk Seri Hj. Mahadi Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur, serta barisan ahli Lembaga Pemegang Amanah AWAN.

Dalam ucapan beliau, Dato' Sri Ismail Sabri, yang juga Pengerusi Khazanah, mengulangi komitmen Malaysia terhadap sasarannya untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050.

“Semasa ucapnama saya pada Persidangan Nikkei di Jepun baru-baru ini, saya telah memberikan komitmen bahawa kerajaan akan menggubal undang-undang berkaitan perubahan iklim ke arah mencapai neutral karbon menjelang 2050,” ujar beliau.

Beliau menambah bahawa Malaysia juga akan bekerjasama dengan negara yang mempunyai visi yang sama melalui *Komuniti Pelepasan Sifar Asia*.

Menurut Dato' Sri Ismail lagi, antara lain, Malaysia turut komited untuk memastikan kawasan hutan semula jadi meliputi lebih 50 peratus daripada jumlah keluasan negara.

Tambah beliau, Kerajaan juga akan melaksanakan penyelesaian berasaskan semula jadi untuk mengurangkan kesan jangka panjang kepada alam sekitar termasuk penanaman 100 juta pokok menjelang 2025.

Sehubungan itu, Dato' Sri Ismail memuji Khazanah atas peranannya dalam memelihara kawasan rimba bandar seluas 66 ekar yang terletak berhampiran Tugu Negara sebagai kawasan hijau untuk warga kota dan para pengunjungnya.

“Taman Tugu melambangkan komitmen semua pihak untuk memelihara warisan semula jadi negara,” katanya.

Sementara itu, Dato' Amirul Feisal Wan Zahir, Pengarah Urusan Khazanah merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah AWAN berkata: “Taman Tugu adalah salah satu daripada pelbagai inisiatif berteraskan nilai kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh Khazanah selama ini dan merupakan sebahagian daripada strategi jangka panjang baharu kami bawah mandat *Memajukan Malaysia*.”

Beliau menambah, Khazanah akan melaksanakan pelbagai inisiatif berteraskan nilai kemasyarakatan untuk terus membawa kesan positif kepada negara.

“Suka saya sebutkan di sini bahawa melalui Taman Tugu, kita bukan sahaja berjaya memelihara dan memulihara flora dan fauna negara tetapi juga menyediakan ruang rekreasi untuk orang ramai bagi



terus memupuk keutuhan, kesejahteraan dan keterangkuman secara lebih meluas dalam kalangan rakyat Malaysia.”

“Ini selaras dengan matlamat sosial Khazanah untuk Membina Kapasiti dan Komuniti Berdaya,” katanya.

Pada majlis tersebut juga, Dato’ Sri Ismail Sabri telah menyaksikan penyerahan perjanjian tanah Taman Tugu daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (“DBKL”) kepada AWAN. Ahli Lembaga Pemegang Amanah AWAN, Tan Sri Zarinah Anwar telah menerima perjanjian tanah tersebut daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Hj. Mahadi.

Dato’ Amirul Feisal mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menyerahkan tanah Taman Tugu kepada AWAN, idea yang telah dicetuskan oleh Khazanah pada 2017, semasa pelancaran projek Taman Tugu.

“Ini membuktikan komitmen kerajaan dalam melindungi alam sekitar dan merupakan satu langkah penting ke arah memastikan Taman Tugu dipelihara untuk generasi akan datang serta seterusnya menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar yang lebih mampan, berdaya dan selesa dihuni,” katanya.

AWAN telah berperanan memelihara, memulihara, mengurus Taman Tugu, sekali gus menjadikan taman rimba bandar tersebut setanding dengan kawasan hijau lain di bandar-bandar utama dunia seperti Central Park di New York City dan Hyde Park di London.

Sambutan WED di Taman Tugu pada hari ini dijangka menarik kira-kira 3,000 pengunjung dan akan diteruskan sepanjang bulan Jun dengan pelbagai aktiviti dirancang untuk para pengunjung. Aktiviti yang disusun di Taman Tugu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pemuliharaan, pemeliharaan dan kelestarian kawasan hijau awam, serta mempertingkatkan dan memperkukuh usaha pembinaan komuniti di sekitar taman yang telah menarik lebih 500,000 pengunjung sejak Ogos 2018 itu.

## **TAMAT**

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sherliza Zaharudin di Tel: +603 2034 0000 atau e-mel di [sberliza.zaharudin@kazanah.com.my](mailto:sberliza.zaharudin@kazanah.com.my).*



### **Tentang Khazanah Nasional Berhad**

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) ialah dana kekayaan negara Malaysia yang diamanahkan untuk menyampaikan nilai mampan untuk rakyat Malaysia. Selaras dengan strategi jangka panjang *Memajukan Malaysia*, Khazanah menyasarkan untuk mencapai tujuannya dengan melabur dalam sektor pemangkin, mencipta nilai melalui pengawasan aktif, meningkatkan kehadiran globalnya, serta membina kapasiti dan komuniti yang bertenaga untuk manfaat rakyat Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, layari [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my).

### **Tentang Taman Tugu**

Taman Tugu ialah inisiatif tanggungjawab sosial korporat bukan berasaskan keuntungan yang diterajui oleh Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) dengan sokongan pelbagai kementerian dan organisasi masyarakat sivil, khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (“FRIM”) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (“MNS”). Tapak Taman Tugu terletak berhampiran Tugu Negara, Kuala Lumpur dan meliputi kawasan seluas 66 ekar dengan denai hutan sepanjang 6km, ruang aktiviti serta kemudahan awam lain untuk pengunjung. Dengan lebih 5,000 pokok asli dan lebih 1,000 spesies flora dan fauna di Kawasan tersebut, Taman Tugu turut bertindak sebagai penyerap karbon untuk ibu kota. Untuk maklumat lanjut mengenai Taman Tugu, layari [www.tamantugu.my](http://www.tamantugu.my).

### **Tentang Amanah Warisan Negara**

Amanah Warisan Negara (“AWAN”) ialah amanah awam negara yang diasaskan oleh Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) untuk memelihara, memulihara, mengurus dan mengendalikan Taman Tugu, dengan objektif jangka panjang untuk menjalankan lebih banyak projek yang melibatkan peremajaan, pemuliharaan, dan/atau operasi ruang awam terpilih serta aset warisan yang mempunyai kepentingan kepada negara – seperti yang diilhamkan oleh National Trust for Places of Historic Interest or Natural Beauty atau lebih dikenali sebagai National Trust UK.

### **Mengenai Hari Alam Sekitar Sedunia**

Disambut di seluruh dunia pada 5 Jun setiap tahun, Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) merupakan salah satu program alam sekitar terbesar bawah Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) yang bertujuan memupuk kerjasama antara kerajaan, perniagaan, masyarakat sivil, sekolah, bandar serta pelbagai komuniti untuk meningkatkan kesedaran dan tindakan terhadap perlindungan alam sekitar. Tahun ini adalah ulang tahun ke-50 sejak Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar pertama yang diadakan di Stockholm yang membawa kepada lahirnya UNEP. Tanggal 5 Jun setiap tahun telah ditetapkan sebagai Hari Alam Sekitar Sedunia. Tema WED tahun ini - *Only One Earth*, membuktikan pentingnya untuk masyarakat dunia hidup secara mampan bersama alam semula jadi serta memupuk perubahan transformatif - ke arah gaya hidup yang lebih bersih dan hijau.